

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5 JULY 2016

## Adenan jumpa PM bincang penurunan kuasa

Um - 5/7/2016

**PUTRAJAYA 4 Julai** - Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem mengadakan perbincangan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini bagi membincangkan pelbagai perkara termasuk penurunan kuasa kepada kerajaan negeri.

Berdasarkan kenyataan pejabat Ketua Menteri Sarawak semalam, antara perkara dibincangkan pada pertemuan itu adalah Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) serta cadangan-cadangan, Perjanjian Malaysia 1963, Akta Malaysia dan Laporan

Suruhanjaya Cobbold.

Difahamkan, dalam pertemuan itu Adenan menyerahkan dua memorandum kepada Najib mengenai pendirian kerajaan negeri berhubung perkara berkaitan.

Terdahulu, kenderaan rasmi yang membawa Adenan dilihat memasuki Bangunan Perdana Putra pada pukul 9.05 pagi dan beliau beredar pukul 10.45 pagi.

Walau bagaimanapun, Adenan hanya melambaikan tangan kepada petugas media yang menunggu sejak awal pagi bagi mendapat maklumat balas mengenai pertemuan beliau bersama Perdana Menteri.

Menurut sumber, pejabat Ketua Menteri Sarawak akan mengeluarkan kenyataan berhubung hasil perbincangan itu dalam masa terdekat.

Adenan yang mengambil alih tampuk kepimpinan Sarawak sejak Februari 2014 sebelum ini menyenaraikan 13 perkara yang dipersetujui oleh kerajaan Persekutuan dalam penurunan kuasa pentadbiran kepada kerajaan negeri.

Beliau pernah menyentuh secara panjang lebar mengenai proses penurunan kuasa pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak baru-baru ini.